

Najib Umum RM30 Juta Untuk Teruskan Usaha Ukur Tanah Adat Sarawak
Bernama
9 Jun, 2013

BETONG (Sarawak), 9 Jun (Bernama) -- Kerajaan Persekutuan akan memperuntukkan dana berjumlah RM30 juta untuk meneruskan usaha pengukuran perimeter tanah adat Bumiputera di Sarawak tahun depan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata sebelum ini kerajaan pusat telah memperuntukkan sejumlah RM60 juta untuk kerja pengukuran tanah itu sebagai proses mengesahkan hak pemilikannya.

"Jumlah ini (yang telah diperuntukkan sebelum ini) perlu ditambah lagi untuk tahun depan dan tahun 2015 bagi membolehkan sejumlah 680,000 hektar tanah adat di negeri ini siap pengukurannya," katanya semasa berucap pada Majlis Sambutan Gawai Dayak di Rumah Panjang Wilson Begat Bakir, Penom, Ulu Paku, di Betong.

Menurutnya, usaha pengukuran perimeter tanah adat ini adalah di antara aku janji pilihan raya umum ke-13 Barisan Nasional (BN) di Sarawak yang akan ditunaikan.

"Dalam pilihan raya umum ini, masyarakat pribumi dan di luar bandar Sarawak telah menjadi tunjang kepada kemenangan Barisan Nasional," katanya.

Perdana Menteri berkata sokongan padu yang ditunjukkan oleh pengundi pribumi dan di luar bandar Sarawak semasa PRU13 lepas tidak akan disia-siakan oleh kerajaan BN.

Katanya, sebagai langkah pertama untuk menghargai sokongan ini, beliau telah mengambil keputusan menambah lebih ramai lagi anggota Parlimen dari Sarawak ke dalam Kabinet Persekutuan.

"Tidak pernah dalam sejarah di negara kita, seramai tujuh orang dari Sarawak berada dalam Kabinet Persekutuan," katanya.

Beliau berkata kemakmuran di Sarawak tidak akan terhenti di kawasan bandar sahaja malah akan diperhebatkan lagi di kawasan luar bandar.

"Kita akan memastikan pembangunan negara kita akan diagihkan secara saksama," katanya.

Sebelum itu, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi Datuk Seri Douglas Uggah Embas dalam ucapannya berkata program transformasi Perdana Menteri telah banyak memberikan manfaat kepada penduduk di luar bandar.

Katanya, pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan program transformasi luar bandar telah berjaya meringankan beban rakyat di samping dapat meningkatkan lagi kemudahan khususnya di luar bandar.

"Kita yakin Datuk Seri Najib mampu membawa negara kita untuk lebih maju lagi dan membawa banyak lagi pembangunan supaya esok untuk kita akan menjadi lebih baik daripada hari ini," katanya.

Isteri perdana menteri Datin Seri Rosmah Mansor, Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu, beberapa menteri Kabinet persekutuan dan negeri adalah antara tetamu yang

hadir pada majlis itu.

Lawatan Najib ke Sarawak merupakan sebahagian daripada program sambutan Gawai Dayak dengan beliau turut singgah di dua buah lagi rumah panjang iaitu di Pakan, Sarikei dan di Selangau, Sibul.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954907>